

PENGENALAN

Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta) mengiktiraf Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia sebagai badan berkuasa tertinggi dalam menentukan perkara berhubung dengan isu-isu Syariah dalam kewangan Islam. Sehubungan dengan itu, Bank Negara Malaysia telah menerbitkan buku *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua)* untuk dijadikan sebagai rujukan Syariah yang penting bagi pengamal industri kewangan Islam, mahkamah dan penimbang tara. Ini sejajar dengan keperluan Akta yang mengkehendaki semua institusi kewangan Islam, mahkamah dan penimbang tara untuk merujuk kepada MPS bagi perkara atau prosiding yang berkaitan dengan perniagaan kewangan Islam.

Buku ini mengandungi keputusan MPS sejak awal penubuhannya pada tahun 1997 hingga tahun 2009. Ia telah disemak dan disahkan oleh MPS sebagai edisi terkini dan terpakai dalam rujukan terhadap keputusan Syariah yang berkaitan dengan kewangan Islam. Edisi ini menggantikan *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Pertama)* yang diterbitkan pada tahun 2007 dan *Ringkasan Keputusan Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan untuk Perbankan Islam dan Takaful (Ringkasan Keputusan MPS)* yang dikeluarkan pada tahun 2002. Sehubungan dengan itu, produk kewangan Islam baharu yang ingin ditawarkan oleh institusi kewangan atau sebarang produk sedia ada yang ingin ditawarkan kepada pelanggan baharu hendaklah mematuhi *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua)*. Walau bagaimanapun, bagi kontrak produk kewangan Islam sedia ada dalam pasaran yang telah dimeterai antara pelanggan dengan institusi kewangan berdasarkan keputusan Syariah yang terkandung dalam *Edisi Pertama* dan *Ringkasan Keputusan MPS*, kontrak berkenaan masih lagi terpakai sehingga tempoh matangnya.

Sebarang pertanyaan berhubung dengan *Resolusi Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Kedua)* ini boleh dikemukakan kepada Sekretariat MPS melalui e-mel: **sac.secretariat@bnm.gov.my**

SINGKATAN

AAOIFI	Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions/Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan untuk Institusi Kewangan Islam
AITAB	<i>Al-ijarah thumma al-bai`</i>
b.	Bilangan
BBA	<i>Bai` bithaman ajil</i>
Cagamas	Perbadanan Gadai Janji Nasional
CGC	Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad
CMH	Commodity <i>Murabahah</i> House
CPO	Crude palm oil/Minyak sawit mentah
Danajamin	Danajamin Nasional Berhad
FAST	Fully Automated System for Issuing/Tendering Sistem Automatik Sepenuhnya untuk Terbitan /Tender
h.	Halaman
IDBN	Instrumen Deposit Boleh Niaga
IT	Information technology/Teknologi maklumat
j.	Jilid
MPS	Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia
NBNBN-<i>Ijarah</i>	Nota Boleh Niaga Bank Negara berasaskan konsep <i>ijarah</i>
no.	Nombor

OIC	Organisation of the Islamic Conference/ Pertubuhan Persidangan Islam
PIDM	Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
PMB	Pelaburan <i>Mudarabah</i> antara bank
RENTAS	Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities/ Sistem Pemindahan Eletronik Data dan Sekuriti
RPK	Rizab Penyamaan Keuntungan
'r'	Kadar pulangan institusi kewangan
SAW	<i>Sallallahu `alaihi wasallam</i>
SHBN	Sijil Hutang Boleh Niaga
SPI	Skim Perbankan Islam
SPV	Special Purpose Vehicle/Syarikat Tujuan Khas
SWT	<i>Subhanahu wa ta`ala</i>
t.t.	Tanpa tarikh
T+2	2 hari selepas tarikh urus niaga